

## SOALAN LAZIM PENAMAAN

Kemas Kini 21 April 2026

### PENAMAAN

Penamaan membantu memastikan bahawa orang tersayang anda menerima perlindungan yang anda inginkan, dengan segera dan mengikut undang-undang.

Soalan Lazim di bawah menerangkan bagaimana seorang Orang Diinsuranskan boleh membuat penamaan.

#### 1. **Siapakah yang boleh membuat penamaan?**

Mana-mana Orang Yang Diinsuranskan yang telah mencapai umur 16 tahun boleh membuat penamaan.

#### 2. **Mengapakah saya perlu membuat penamaan?**

Penamaan memastikan bahawa orang tersayang anda menerima perlindungan yang anda inginkan dan membolehkan syarikat insurans membuat bayaran manfaat polisi tanpa kelewatan.

Jika tiada penamaan dibuat, wang polisi akan dibayar kepada:

- wasi yang sah (jika anda mempunyai Wasiat), atau
- pentadbir yang sah (jika tiada Wasiat dibuat).

Proses ini mungkin mengambil masa.

Jika tiada wasi atau pentadbir yang sah, wang polisi akan dibayar kepada penerima yang berhak mengikut undang-undang pembahagian yang berkenaan.

#### 3. **Siapakah yang boleh saya namakan?**

Anda boleh menamakan mana-mana individu. Walau bagaimanapun, tidak semua penamaan membolehkan penama menerima wang polisi untuk kegunaan sendiri.

Kesan penamaan bergantung kepada:

- status perkahwinan anda;
- pihak yang anda namakan; dan
- sama ada anda pemilik polisi yang beragama Islam atau bukan beragama Islam.

Bagi pemilik polisi yang bukan beragama Islam, penamaan boleh menghasilkan sama ada:

- polisi amanah, atau
- polisi bukan amanah.

Untuk memastikan penama menerima wang polisi secara benefisial (untuk kegunaan sendiri), suatu polisi amanah perlu diwujudkan.

#### 4. Bagaimanakah polisi amanah diwujudkan?

Polisi amanah akan diwujudkan apabila:

- penama adalah pasangan atau anak anda; atau
- penama adalah ibu atau bapa anda, dengan syarat tiada pasangan atau anak yang masih hidup pada masa penamaan dibuat.

#### 5. Bagaimana jika saya menamakan individu lain sebagai penama?

Jika anda menamakan individu selain pasangan, anak atau ibu bapa, satu polisi bukan amanah akan diwujudkan.

Dalam keadaan ini, penama hanya akan menerima wang polisi sebagai wasi (executor) dan perlu mengagihkannya mengikut:

- Wasiat anda; atau
- undang-undang pembahagian yang berkenaan jika tiada Wasiat.

Sekiranya anda ingin penama tersebut menerima wang polisi untuk kegunaan sendiri, anda perlu menyerahkan (assign) manfaat polisi kepada mereka.

Secara ringkasnya, jika anda menamakan individu selain pasangan, anak atau ibu bapa, anda digalakkan untuk membuat penyerahan manfaat polisi bagi mengelakkan keputusan yang tidak diingini. Sila hubungi MSIG untuk maklumat lanjut.

#### 6. Apakah perbezaan antara penama, benefisiari dan wasi?

**Penama:** Individu yang dinamakan dalam polisi untuk menerima atau mentadbir manfaat kematian selepas kematian Orang Yang Diinsuranskan.

**Benefisiari:** Individu yang berhak menerima dan menikmati manfaat polisi untuk kegunaan sendiri.

**Wasi (Executor):** Individu yang dilantik untuk mengurus dan mengagihkan harta pusaka, termasuk wang polisi, mengikut undang-undang yang berkenaan.

#### 7. Bagaimana dengan pemilik polisi beragama Islam?

Bagi pemilik polis beragama Islam, penama, tanpa mengira hubungan dengan Orang Yang Diinsuranskan, hanya boleh menerima wang polis sebagai wasi.

Wang polisi hendaklah diagihkan mengikut undang-undang Islam.

#### 8. Saya tidak membuat sebarang penamaan dan Wasiat. Bagaimanakah wang polisi akan diagihkan?

Wang polisi dan harta lain akan diagihkan mengikut undang-undang pembahagian yang berkenaan:

- Semenanjung Malaysia & Sarawak: Akta Pembahagian 1958
- Sabah: Ordinan Pewarisan Tanpa Wasiat 1960

Akta Pembahagian 1958 tidak terpakai kepada orang yang beragama Islam di Semenanjung Malaysia dan anak negeri Sarawak.

## 9. Bagaimanakah saya boleh membuat penamaan?

Anda boleh:

- memuat turun Borang Penamaan Insurans Kemalangan Peribadi dari laman web kami; atau
- menghubungi kami untuk mendapatkan salinan borang.

Sila lengkapkan dan kembalikan **borang asal** kepada MSIG.

Borang mestilah:

- ditandatangani dengan sewajarnya; dan
- disaksikan oleh individu berumur 18 tahun ke atas, berakal sempurna dan **bukan penama**.

Kegagalan mematuhi syarat ini boleh menyebabkan penamaan tidak sah.

*Untuk peruntukan terperinci, sila rujuk Jadual 10 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013.*

## 10. Bolehkah saya sebagai orang yang diinsuranskan membatalkan penamaan sedia ada dalam polisi amanah?

Ya. Sebarang penamaan sedia ada di bawah polisi amanah akan terbatal apabila penamaan baharu dikemukakan.

Sila lengkapkan Borang Penamaan Insurans Kemalangan Peribadi baharu dan hantar kepada kami untuk pemprosesan pengendorsan.

## 11. Apakah yang berlaku jika salah seorang penama meninggal dunia sebelum saya?

Jika terdapat lebih daripada seorang penama dan salah seorang meninggal dunia sebelum anda, bahagian penama tersebut akan diagihkan semula kepada penama yang masih hidup mengikut peratusan asal masing-masing.

Contoh:

Penama C telah meninggal dunia. Bahagian 30% Penama C akan diagihkan semula kepada Penama A dan Penama B mengikut kadar bahagian sedia ada mereka.

Penama	Bahagian Asal	Agihan Semula dari Penama C	Bahagian Baharu
A	50%	$30\% \times 50 / 70 = 21.43\%$	71.43%
B	20%	$30\% \times 20 / 70 = 8.57\%$	28.57%
C	30%	0% (meninggal dunia)	0%

## **PELANTIKAN PEMEGANG AMANAH (TRUSTEE)**

### **12. Apakah peranan Pemegang Amanah?**

Pemegang Amanah hendaklah bertindak demi kepentingan terbaik penama. Apabila Orang Yang Diinsuranskan meninggal dunia, Pemegang Amanah akan menerima wang polisi dan mengagihkannya kepada penama mengikut amanah.

### **13. Mengapakah saya perlu melantik Pemegang Amanah?**

Jika anda bukan beragama Islam dan menamakan pasangan, anak atau ibu bapa sebagai penama, adalah disarankan untuk melantik Pemegang Amanah.

Pemegang Amanah tidak semestinya ahli keluarga tetapi hendaklah seseorang yang anda dipercayai.

### **14. Adakah pelantikan Pemegang Amanah perlu dibuat semasa permohonan polisi insurans?**

Tidak. Pelantikan Pemegang Amanah boleh dibuat sama ada pada masa permohonan polisi insurans atau pada masa akan datang.

### **15. Bilakah polisi menjadi Polisi Amanah Berkanun?**

Polisi akan menjadi Amanah Berkanun di bawah Jadual 10 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 apabila:

- Orang Yang Diinsuranskan adalah bukan beragama Islam pada masa penamaan; dan
- penama memenuhi kategori yang ditetapkan berdasarkan status perkahwinan.

<b>Status Perkahwinan Orang yang Diinsuranskan semasa Penamaan dibuat</b>	<b>Penama</b>
Bujang	Bapa dan/atau Ibu
Bujang beranak	Anak-anak
Berkahwin dan beranak	Pasangan dan/atau anak-anak
Berkahwin tanpa anak	Pasangan
Bercerai/balu beranak	Anak-anak
Bercerai/balu tanpa anak	Bapa dan/atau Ibu

Jika tiada Pemegang Amanah dilantik oleh Orang Yang Diinsuranskan, penama-penama tersebut akan dianggap sebagai Pemegang Amanah bagi polisi (“Pemegang Amanah Berkanun”). Untuk rujukan mudah, amanah yang diwujudkan di bawah Jadual 10 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 akan dikenali sebagai “Amanah Berkanun” dalam Soalan Lazim ini.

**16. Apakah yang berlaku jika penama di bawah Amanah Berkanun berumur bawah 18 tahun?**

Jika penama berumur bawah 18 tahun:

- ibu atau bapa (selain Orang Yang Diinsuranskan) akan menjadi Pemegang Amanah Berkanun; atau
- jika tiada, Pemegang Amanah Awam (Amanah Raya Berhad) atau syarikat amanah yang dinamakan oleh Orang Yang Diinsuranskan akan bertindak sebagai Pemegang Amanah.

**17. Bolehkah Orang Yang Diinsuranskan melantik dirinya sebagai Pemegang Amanah?**

Tidak. Di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, Orang Yang Diinsuranskan tidak boleh melantik dirinya sebagai Pemegang Amanah.

Sekatan ini hanya terpakai bagi pelantikan yang dibuat selepas 30 Jun 2013.

**18. Pemegang Amanah yang dilantik telah meninggal dunia. Apakah dokumen diperlukan untuk melantik Pemegang Amanah baharu atau penama baharu?**

Sila kemukakan:

- Salinan Sijil Kematian Pemegang Amanah yang Disahkan Benar; dan
- Borang Penamaan Insurans PA baharu.

**19. Bilakah persetujuan Pemegang Amanah diperlukan untuk membuat sebarang urusan berkaitan polisi saya?**

Anda dikehendaki mendapatkan persetujuan bertulis daripada Pemegang Amanah untuk melaksanakan tindakan-tindakan ke atas polisi amanah sedia ada.

<b>Tindakan</b>	<b>Persetujuan bertulis Pemegang Amanah diperlukan</b>	<b>Persetujuan bertulis Pemegang Amanah tidak diperlukan</b>
Membatalkan atau mengubah penamaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Membatalkan penamaan sedia ada tanpa membuat sebarang penamaan seterusnya.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengubah penamaan dengan menambah pasangan, anak atau ibu bapa.</li> </ul>
Menambah penama	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menambah adik-beradik, saudara-mara atau rakan sebagai penama kepada polisi amanah sedia ada.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menambah pasangan, anak atau ibu bapa sebagai penama.</li> </ul>

<b>Tindakan</b>	<b>Persetujuan bertulis Pemegang Amanah diperlukan</b>	<b>Persetujuan bertulis Pemegang Amanah tidak diperlukan</b>
Mengubah polisi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membuat perubahan polisi yang menjejaskan kepentingan penama.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membuat perubahan polisi yang tidak menjejaskan kepentingan penama.</li> </ul>
Menyerahkan polisi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menyerahkan polisi.</li> <li>Menamatkan polisi.</li> </ul>	-
Menyerah hak atau mencagarkan polisi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menyerah atau mencagarkan polisi sebagai jaminan, contohnya digunakan sebagai jaminan bagi suatu pinjaman.</li> </ul>	-

**20. Adakah persetujuan Pemegang Amanah diperlukan apabila menukar peratusan penama sedia ada di bawah polisi amanah?**

Persetujuan Pemegang Amanah tidak diperlukan untuk penukaran peratusan penamaan bagi penama sedia ada di bawah polisi amanah.

Untuk mengemas kini agihan tersebut, sila lengkapkan Borang Penamaan Insurans PA dan hantar kepada kami. Kami akan memproses perubahan yang diperlukan dengan sewajarnya.

**21. Adakah persetujuan Pemegang Amanah diperlukan apabila menambah pasangan, anak atau ibu bapa sebagai penama, atau mengubah peratusan mereka?**

Tiada persetujuan diperlukan daripada Pemegang Amanah. Sila lengkapkan Borang Penamaan Insurans PA dan hantar kepada kami. Kami akan memproses perubahan yang diperlukan dengan sewajarnya.

**22. Bolehkah saya menukar atau menggantikan Pemegang Amanah Berkanun sedia ada?**

Ya, anda boleh menukar Pemegang Amanah Berkanun pada bila-bila masa tanpa memerlukan persetujuan Pemegang Amanah Berkanun tersebut.

**Penafian**

Soalan Lazim ini disediakan untuk tujuan rujukan umum sahaja. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan atau pertikaian, peruntukan di bawah Jadual 10 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 hendaklah diguna pakai.